

NO SOALAN : 56

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK JOSEPH SALANG
ANAK GANDUM
(JULAU)**

**TARIKH : 07.10.2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan pecahan kakitangan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengikut etnik dan pangkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pecahan kekuatan keseluruhan semasa anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengikut pecahan Bumiputera dan Bukan Bumiputera ialah masing-masing pada peratusan 98.2% Bumiputera dan 1.8% Bukan Bumiputera.

Bagi kekuatan anggota ATM mengikut pecahan Bumiputera pula menunjukkan penglibatan Bumiputera Melayu ialah sebanyak 85.8%, manakala masing-masing 5.7% bagi Bumiputera Sarawak dan 8.5% bagi Bumiputera Sabah.

Bagi penglibatan Bukan Bumiputera dalam kerjaya ATM mengikut pecahan kaum pula menunjukkan sebanyak 24.2% melibatkan kaum Cina, manakala 57.2% melibatkan kaum India dan 18.6% melibatkan lain-lain kaum.

Bagi pecahan kekuatan melibatkan pangkat pegawai ATM pula menunjukkan sebanyak 95.3% melibatkan Bumiputera dan hanya 4.7% sahaja melibatkan Bukan Bumiputera. Manakala bagi pecahan kekuatan melibatkan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) pula menunjukkan Bumiputera sebanyak 98.6% dan Bukan Bumiputera hanya pada kadar 1.4% sahaja.